

# MAJLIS PENUTUP DAN PEMAKAIAN LENCANA KETUKANGAN BATCA SIRI 48/19 DAN AATCA SIRI 47/19

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5721-majlis-penutup-dan-pemakaian-lencana-ketukangan-batca-siri-48-19-dan-aatca-siri-47-19](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5721-majlis-penutup-dan-pemakaian-lencana-ketukangan-batca-siri-48-19-dan-aatca-siri-47-19)

KUANTAN, 13 Dis 19 – Inspektorat Kemalangan Udara, Kol Samsudin bin Mahadi TUDM diiring oleh Komandan INSPRA, Kol Ben Khedda Adnan bin Mohd Yusoff TUDM telah menyempurnakan upacara pemakaian lencana ketukangan bagi ‘Basic Air Traffic Control Assistant’ (BATCA) Siri 48/19 dan penutup kursus ‘Advanced Air Traffic Control Assistant’ (AATCA) Siri 47/19 bertempat di Auditorium Sek Bomba dan Menyelamat INSPRA.



Turut hadir Pegawai Laksana INSPRA, Lt Kol Wan Amir Zaki bin Wan Hassan TUDM, Ketua-ketua Sekolah dan Bahagian serta Jurulatih Sekolah Kawalan Trafik Udara. Pelatih Terbaik Praktikal dan Keseluruhan kursus BATCA disandang oleh LU II Muhammad Haris bin Mohmed Halim manakala bagi Pelatih Terbaik Teori disandang oleh LU II Azreen bin Jamaludin. Sementara itu, bagi kursus AATCA Pelatih Terbaik Keseluruhan disandang oleh LU I Mohd Mause Jasnime bin Nazri.